
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HSM 319 – Seminar Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Jawab **DUA** Soalan daripada Bahagian A dan **DUA** soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A.

1. Nilaikan secara kritis pandangan-pandangan yang terdapat dalam karya INSAN mengenai keadaan sosio-ekonomi buruh estet pada tahap selepas kemerdekaan.
2. Sejauh manakah persatuan-persatuan India berperanan dalam memperjuangkan nasib masyarakat perladangan antara tahun 1930 hingga 1942?
3. Sejauh manakah “*National Land Finance and Co-operative Society*” (NLFCS) berjaya memajukan kedudukan ekonomi masyarakat perladangan?
4. “Pergerakan *Thondar Padai* dipengaruhi oleh *Tamil chauvinism* dan tersemai dengan perasaan anti-orang Eropah. Pergerakan ini dipimpin oleh golongan agresif dan menganjurkan mogok demi menakutkan pengurus estet” (A.Rajeswary). Mengapakah Rajeswary berpandangan sedemikian dan sejauh manakah pandangan beliau dapat dipertahankan?

...2/-

Bahagian B.

5. Bandingkan isu-isu perjuangan dan corak kepimpinan yang mendasari mogok-mogok besar buruh Cina pada tahun 1937 dan buruh India pada tahun 1941.
6. Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya muncul sebagai pertubuhan buruh yang berjaya mendapatkan sokongan yang meluas daripada kaum buruh antara tahun 1945 hingga 1948. Mengapa?
7. Bincangkan pelaksanaan undang-undang antara 1945 dan 1948 untuk membendung kegiatan buruh yang dipengaruhi oleh unsur-unsur komunis.
8. Corak "Kesatuan Sekerja Baru" yang diwujudkan oleh pihak kerajaan pada zaman Darurat di Tanah Melayu adalah bersifat pasif dan tertakluk kepada kerajaan. Bincangkan.